

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 11 Ogos 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK PEMBINAAN SUKU TAHUNAN, MALAYSIA SUKU KEDUA 2025

Sektor Pembinaan mencatatkan prestasi kukuh dengan pertumbuhan positif 12.9 peratus, mencapai RM43.9 bilion pada suku kedua 2025

PUTRAJAYA, 11 OGOS 2025 – Sektor Pembinaan mengekalkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.9 peratus, dengan nilai kerja mencecah RM43.9 bilion pada suku kedua 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran **Statistik Pembinaan Suku Tahunan, Malaysia, Suku Kedua 2025**.

Mengulas mengenai laporan prestasi terkini sektor Pembinaan, Ketua Perangkawan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai kerja dalam sektor Pembinaan berjumlah RM43.9 bilion pada suku kedua 2025, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 12.9 peratus, berikutan peningkatan 16.6 peratus pada suku sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh pengembangan berterusan dalam subsektor Aktiviti pertukangan khas dan Bangunan bukan kediaman, yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit yang ketara sebanyak 22.2 peratus dan 16.2 peratus. Subsektor Bangunan kediaman turut menyumbang dengan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 13.9 peratus. Sementara itu, subsektor Kejuruteraan awam mengekalkan trend positif dengan pertumbuhan marginal sebanyak 7.5 peratus."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Daripada keseluruhan nilai kerja sebanyak RM43.9 bilion yang dicatatkan pada suku kedua 2025, sejumlah RM16.3 bilion atau 37.1 peratus disumbangkan oleh subsektor Kejuruteraan awam, terutamanya dalam aktiviti pembinaan projek Utiliti (RM8.1 bilion) dan Jalan raya dan landasan kereta api (RM6.5 bilion). Sementara itu, nilai kerja bagi subsektor Bangunan bukan kediaman dan Bangunan kediaman masing-masing menyumbang RM12.4 bilion (28.2%) dan RM10.0 bilion (22.8%). Di samping itu, Aktiviti pertukangan khas adalah sebanyak RM5.2 bilion (11.9%), terutamanya dalam aktiviti Penyediaan tapak (RM1.5 bilion); Pemasangan elektrik (RM1.2 bilion); dan Pemasangan paip, pemanasan dan penghawa dingin (RM1.1 bilion).”

Sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dalam sektor Pembinaan, menyumbang RM28.2 bilion atau 64.2 peratus daripada jumlah nilai keseluruhan. Sektor swasta mengekalkan momentum pertumbuhan dua digit sebanyak 19.3 peratus (ST1 2025: 23.7%), didorong oleh prestasi yang kukuh dalam subsektor Bangunan bukan kediaman (23.7%) dan Aktiviti pertukangan khas (22.8%). Begitu juga, nilai kerja oleh sektor awam mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus (ST1 2025: 6.3%) kepada RM15.7 bilion (sumbangan: 35.8%), yang dipacu terutamanya oleh subsektor Aktiviti pertukangan khas dengan pertumbuhan sebanyak 20.8 peratus.

Mengulas mengenai prestasi sektor Pembinaan mengikut negeri bagi suku kedua 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Hampir 61.1 peratus daripada nilai kerja tertumpu di Selangor, Johor, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan). Nilai Pembinaan di Selangor berjumlah RM9.7 bilion atau 22.2 peratus, disumbangkan oleh subsektor Bangunan bukan kediaman (RM3.2 bilion), diikuti oleh subsektor Bangunan kediaman (RM2.9 bilion) dan subsektor Kejuruteraan awam (RM2.4 bilion). Sementara itu, Johor menduduki tempat kedua dengan nilai RM7.7 bilion atau 17.5 peratus, terutamanya dalam subsektor Bangunan bukan kediaman (RM3.4 bilion). Pada masa yang sama, nilai kerja di Sarawak adalah RM5.2 bilion (11.9%), manakala Wilayah Persekutuan mencatatkan RM4.2 bilion (9.5%).”

Merumuskan prestasi nilai kerja Pembinaan bagi separuh pertama 2025, sektor ini mencatatkan nilai sebanyak RM86.8 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak 14.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 (ST1 2024 hingga ST2 2024: 17.2%). Pertumbuhan ini didorong oleh prestasi positif dalam semua subsektor, terutamanya Aktiviti pertukangan khas (28.3%) dan Bangunan kediaman (20.0%).


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus, ST1 2022 - ST2 2025




Carta 2: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor Bangunan kediaman, ST1 2022 - ST2 2025




Carta 3: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor Bangunan bukan kediaman, ST1 2022 - ST2 2025



**Carta 4: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor
Kejuruteraan awam, ST1 2022 - ST2 2025**



**Carta 5: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor
Aktiviti pertukangan khas, ST1 2022 - ST2 2025**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 OGOS 2025**